

UMS rancang hasilkan kerja penyelidikan, penulisan skrip libatkan syarikat produksi tempatan Sabah

NST 26/09/2011 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Pengajian Seni (SPS) kini serius merancang untuk bekerjasama dengan syarikat produksi tempatan Sabah bagi menghasilkan kerja-kerja penyelidikan, penulisan skrip dan mencari dana.

Naib Canselornya Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, kerjasama itu adalah untuk menghasilkan sebuah filem cereka epik yang akan perdana bersumber-kan sejarah tempatan Sabah.

"Jika berjaya direalisasikan, saya yakin UMS melalui Sekolah Pengajian Seni akan memberi anjakan baru dalam membangunkan industri perfileman di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Hari Seniman 2011 di Dewan Resital UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Hajji Aman.

Turut hadir Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Bolkiah Ismail, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Abidin Madzingkir dan Timbalan Presiden Persatuan Kebajikan Artis Veteran Malaysia dan Seniman dan Seniwati Malaysia, Datuk Aziz Satar.

Kamaruzaman berkata, UMS melalui SPS dan Sekolah Sains Sosial sentiasa menyokong aktiviti berkaitan industri kreatif seperti industri perfilemen di negeri ini.

"Sekolah Pengajian Seni yang mempunyai kemudahan produksi dan pasca produksi perfileman yang canggih, sering bekerjasama dengan syarikat produksi luar dan agansi seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dari aspek penyelidikan, rundingan dan

kemudahan peralatan bagi pengajuran bengkel dan latihan serta penyediaan bahan-bahan siaran televisyen.

"Kemudahan dan kerjasama ini membuktikan UMS amat serius untuk menyediakan tenaga pakar bagi membangunkan industri kreatif tempatan terutamanya di Sabah," katanya.

Sehubungan itu beliau berharap para pelajar terutamanya pelajar kesenian dan komunikasi dapat memanfaatkan peluang berjumpa dengan seniman dan seniwati negara untuk menimba ilmu dan pengalaman sebelum menjadikan industri kreatif seperti perfileman sebagai kerjaya profesional suatu hari nanti.

"Saya juga berharap hubungan baik dan kerjasama yang dijalankan antara UMS dan karyawan filem seperti mengadakan Hari Seniman ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Saya mencadangkan agar kerjasama ini diperluaskan kepada aktiviti penganjuran seminar akademik secara berkala, penyelidikan dan penerbitan buku-buku ilmiah dalam bidang berkaitan," katanya.

Pada majlis itu penanaman kapsul masa yang mengandungi amanat daripada Ketua Menteri, UMS serta wakil Persatuan Seniman dilakukan oleh Ketua Menteri. Kapsul itu mengandungi harapan dan wawasan UMS yang diharap dapat dicapai dalam tempoh 25 tahun akan datang.

Kamaruzaman berharap usaha dan kerja keras yang dilakukan itu akan dapat memastikan apa yang diimpikan dapat direalisasikan seterusnya dinikmati oleh generasi akan datang.

— OLEH MARRYAN RAZAN
— marryan@newsabah-times.com.my